

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. TUAN CHONG CHIENG JEN**  
**KAWASAN : BANDAR KUCHING**  
**TARIKH : 24 NOVEMBER 2016, KHAMIS**

**SOALAN:**

**YB. TUAN CHONG CHIENG JEN** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah kontrak pembinaan Jambatan Batang Lupar dan Jambatan Batang Saribas di Sarawak akan dianugerahkan melalui tender terbuka, apakah kos anggaran untuk projek itu dan bilakah ia akan dilaksanakan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek membina Jambatan Batang Lupar, Sarawak telah diluluskan secara prinsip oleh Jemaah Menteri pada bulan September 2016 yang lalu. Kos keseluruhan untuk pembinaan jambatan sepanjang 5km itu ialah dianggarkan sebanyak RM1 bilion (termasuk kos membina jalan tuju dan kos pengambilan tanah) dan ia akan ditanggung bersama dengan nisbah 50:50 antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Sarawak.

Kaedah pemilihan kontraktor bagi pembinaan Jambatan Batang Lupar itu telah ditetapkan melalui kaedah Tender Terbuka Pra-Kelayakan ('Pre-Qualification'). Sehubungan itu keutamaan akan diberikan kepada kontraktor tempatan dari negeri Sarawak tertakluk ia melepasi penilaian teknikal dan kewangan yang ditetapkan oleh jawatankuasa eksekutif projek ini. Manakala pembinaan fizikal pula dirancang akan dimulakan pada tahun awal tahun 2018 iaitu sebaik sahaja reka bentuk projek disiapkan oleh pihak juru perunding.

Mengenai projek membina Jambatan Batang Saribas pula, untuk makluman Ahli Yang Berhormat projek tersebut tidak termasuk dalam senarai projek RMKe-11 yang telah diluluskan Kerajaan Pusat setakat ini.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL  
GHAPUR BIN HAJI SALLEH  
[ KALABAKAN ]**

**TARIKH : 24 NOVEMBER 2016 (KHAMIS)**

**SOALAN : 21**

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]**  
minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

- (a) apakah pihak Kementerian maklum bahawa, masih ramai pihak awam yang keliru dengan kenyataan-kenyataan tidak sepakat oleh pihak-pihak berkuasa berkaitan dengan penggunaan cermin gelap pada semua jenis kereta di negara ini; dan
- (b) apakah keputusan terkini dan muktamad Kerajaan tentang penggunaan cermin gelap pada semua jenis kenderaan di negara ini.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, Kementerian ini sedia maklum bahawa terdapat ketidaksepakatan di antara agensi-agensi penguatkuasa berhubung dengan penggunaan cermin gelap pada semua jenis kereta di Negara ini.

Susulan daripada itu, satu bengkel telah diadakan pada 2 dan 3 Jun 2014 bagi mengkaji segala aspek penggunaan cermin gelap termasuk peraturan sedia ada, penguatkuasaan, aspek keselamatan dan kepenggunaan. Hasil daripada bengkel yang telah diadakan, Kementerian Pengangkutan telah meluluskan pindaan Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Larangan Mengenai Jenis-Jenis Kaca Tertentu 1991 pada 06 Februari seperti berikut:-

- i. Bagi cermin hadapan (wind screen) tahap ketelusan cahaya (*Visible Light Transmission – VLT*) adalah kurang daripada 70%;
- ii. Bagi cermin sisi pemandu tahap VLT adalah kurang daripada 50%; dan
- iii. Bagi sisi belakang dan cermin belakang tahap VLT adalah kurang daripada 30%.